

17) PERUMAHAN MAMPU MILIK

Adun : Y.B. Tuan Noor Najhan Bin Mohamad Salleh (Sementa)

Kategori : Bertulis

Sesi : 1 (2025)

Sub soalan :

- a) **Apakah status terkini pembangunan perumahan mampu milik di Parlimen Kapar mengikut DUN?**

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 31 Januari 2025, terdapat 10 projek dengan 2,780 unit RSKU telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) di seluruh Mukim Kapar yang melibatkan DUN Meru dan DUN Sementa. Daripada jumlah tersebut, 1 projek dengan 12 unit RSKU telah siap dibina dan 9 projek dengan 2,768 unit RSKU sedang dalam perancangan di kawasan Mukim Kapar. Perincian status projek siap dan dalam perancangan bagi tahun 2025 adalah seperti berikut:

DUN MERU

BIL.	NAMA PROJEK	LOKASI PROJEK	BIL UNIT	STATUS
1.	Taman Sungai Kapar Indah	Di Atas PT 71570 Hingga PT 71574 Dan Lot 55023 Hingga Lot 55029 Taman Sungai Kapar Indah, Mukim Kapar, Daerah Klang.	12	Siap Bina

DUN MERU

BIL.	NAMA PEMAJU	LOKASI PROJEK	BIL UNIT	STATUS
1.	Sutera Bangsa Sdn. Bhd.	Ke atas hakmilik Lot 54922 GRN 85859 dan Sebahagian Lot 54923 GRN 85860 Di Taman Sungai Kapar Indah, Mukim, Kapar, Daerah Klang.	259	Dalam Perancangan

BIL.	NAMA PEMAJU	LOKASI PROJEK	BIL UNIT	STATUS
2.	Sutera Bangsa Sdn. Bhd.	Di Atas PT 64240 Hingga PT 64246, PT 71570 Hingga PT 71574 Dan Lot 55023 Hingga Lot 55209, Taman Sungai Kapar Indah, Mukim Kapar, Daerah Klang.	77	Dalam Perancangan
3.	Neu Estates Sdn. Bhd. (Dahulu dikenali sebagai NPO Land Sdn. Bhd.)	Di Atas Hakmilik HSD 162436 Hingga HSD 162691 PT 80314 Hingga PT 80569 (Lot Asal PT 73321 Dan PT 73322), Sungai Kapar Indah, Mukim Kapar, Daerah Klang.	256	Dalam Perancangan
4.	C.T. World Development Sdn. Bhd.	Di Atas Hakmilik GRN 338118 Lot 111214, Mukim Kapar, Daerah Klang.	1,120	Dalam Perancangan
5.	Landflair Sdn. Bhd.	Di Atas Lot 326 (GM 3865) Dan Lot 328 (GM 3866), Pekan Kapar, Mukim Kapar, Daerah Klang	26	Dalam Perancangan
6.	Seiring Harum Sdn. Bhd.	Di Atas Hakmilik GM 2142 Lot 5450, Mukim Kapar, Daerah Klang. (Pemulihan Projek Terbangkalai)	16	Dalam Perancangan
7.	Dsara Sentral Sdn. Bhd.	Di Atas Hakmilik HSD 125459 PT 51383, Mukim Kapar, Daerah Klang.	600	Dalam Perancangan
JUMLAH KESELURUHAN			2,354	

DUN SEMENTA

BIL.	NAMA PEMAJU	LOKASI PROJEK	BIL UNIT	STATUS
1.	Arah Alaf (M) Sdn. Bhd.	Di Atas Hakmilik HSM 48228 PT 82471, Mukim Kapar, Daerah Klang.	102	Dalam Perancangan
2.	Tinta Land Sdn. Bhd. (Dahulunya Inta Development Sdn. Bhd.)	Di Atas Hakmilik HSD 130458 PT 46703, Ladang Jalan Acob, Mukim Kapar, Daerah Klang.	312	Dalam Perancangan
JUMLAH KESELURUHAN			414	

- b) **Berapakah perumahan mampu milik yang sudah siap dari tahun 2001 hingga 2024?**

Untuk makluman Yang Berhormat, Dasar Rumah Selangorku diperkenalkan pada tahun 2014. Sehingga 31 Disember 2024, terdapat **134 projek** dengan **42,530 unit** telah siap dibina dan diserahkan kunci.

- c) **Berapakah perumahan mampu milik yang dijangka siap pada tahun 2025?**

Bagi tahun 2025, sebanyak **33 projek** dengan **9,781 unit** Rumah Selangorku, Rumah Idaman MBI & Rumah Selangorku Harapan disasarkan siap dibina dan diserahkan kunci kepada pembeli.